



**SIARAN SERTA MERTA**

***MOTAC.100-2/1/18 JLD3 (XX)***

**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

**SIARAN MEDIA**

**BICARA NEGARAWAN EKSKLUSIF: TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN**

---

**15 Julai 2022** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya, Arkib Negara Malaysia menganjurkan Bicara Negarawan Eksklusif: Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dalam ucapan perasmianya berkata, siri Bicara Negarawan yang dianjurkan ini adalah inisiatif Arkib Negara Malaysia dalam menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan dengan sumbangan dan jasa tokoh-tokoh Perdana Menteri Malaysia kepada khalayak umum dan seterusnya menghidupkan kembali semangat cintakan negara dalam kalangan masyarakat.

Siri ini merupakan kali kedua yang mana pada 14 Februari 2022 yang lalu, Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Bicara Negarawan: Pemikiran dan Kepimpinan Tun Hussein Onn. Pada sesi kali ini, program akan memberikan fokus terhadap bicara negarawan Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein yang dijalankan dengan kerjasama Yayasan Tun Razak bersempena memperingati 100 tahun tarikh kelahiran beliau.

Lahir pada tahun 1922, sumbangan Tun Abdul Razak dapat dilihat semenjak zaman sebelum merdeka apabila beliau terlibat bersama Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj memperjuangkan kemerdekaan negara daripada pihak British. Sebaik dilantik menjadi Menteri Pelajaran pertama pada tahun 1955, beliau memainkan peranan penting dalam membentuk asas awal sistem pendidikan negara yang dilihat amat perlu bagi menggantikan sistem pendidikan penjajah yang diguna pakai pada waktu itu.

Tun Abdul Razak kemudiannya mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman pada 22 September 1970. Walaupun tempoh beliau menjawat jawatan Perdana Menteri adalah singkat, sumbangannya dalam pembangunan negara amat besar sehingga digelar sebagai 'Bapa Pembangunan'. Beliau juga telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu strategi serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi mewujudkan keharmonian dan perpaduan.

Bersempena dengan program ini Arkib Negara Malaysia menjemput seorang tokoh pembicara yang pernah menjadi salah seorang penasihat kepada Tun Abdul Razak iaitu YBhg. Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin untuk berkongsi pengalamannya berkhidmat dengan bekas Perdana Menteri kedua tersebut.

“Saya menyambut baik usaha Arkib Negara dalam menganjurkan majlis-majlis ilmu seumpama ini sebagai salah satu platform untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan Keluarga Malaysia. Ia bertepatan dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang diasaskan oleh Tun Abdul Razak pada tahun 1971 serta selaras dengan penggubalan Dasar Kebudayaan Negara 2021 (DAKEN) yang menjadi entiti penting dalam konsep Keluarga Malaysia bagi terus memperkasakan perpaduan dan budaya negara,” jelas Dato’ Sri Hajah Nancy.

#ComingBackStronger  
#KeluargaMalaysia  
#BekerjaUntukRakyat

---

*Dikeluarkan oleh:*  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**  
*Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181*  
*Website: [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my) Email: [info@motac.gov.my](mailto:info@motac.gov.my)*  
*Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac*